

Jumlah ini adalah kira-kira sama dengan seramai 127 peserta yang mengambil bahagian tahun lalu. Bagaimanapun, jumlah balai rakyat yang menyertainya tahun ini berkurangan dari sebanyak 17 balai rakyat yang menyertainya tahun lalu.

Ita dianjurkan oleh PA dengan kerjasama Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Peringkat akhir 16 APR 1985

Peringkat saringan untuk kejohanan kali ini akan diadakan di Balai Rakyat Kampong Ubi pada 20, 21, 27 dan 28 April ini mulai 10.00 pagi pada hari-hari Ahad dan 2.30 petang pada hari-hari Sabtu.

Peringkat akhir pula akan diadakan pada Sabtu, 4 Mei mulai 2.30 petang di Kompleks Sukan Delta, dan Ahad, mulai 7.30 malam di tempat yang sama.

Sementara itu, setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff, berkata bahawa berdasarkan kejohanan tahun lalu, sebahagian besar dari para peserta didapati amat lemah dari segi kecergasan.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa para peserta supaya berlatih bersungguh-sungguh untuk mengatasi kelemahan tersebut.

"Tidak guna cekap sahaja kalau tidak mempunyai stamina.


Pengalaman

"Dalam satu perlawanan terdapat tiga pusingan yang tiap-tiap satu ialah selama dua minit, dengan satu minit rehat. Tetapi dari pengalaman tahun lalu, ramai peserta yang kelihatan terbungkok-bungkok kepenatan selepas selesai pusingan kedua sahaja," ujar Encik Johari.

Itulah sebabnya tahun ini para peserta dikehendaki menjalani ujian berlari sejauh 2.4 kilometer. Tahun lalu mereka hanya perlu berlari sejauh 100 meter sahaja.

Aspek kedua yang harus diberi perhatian, menurut Encik Johari, ialah gaya bersilat sementara ketiga pula ialah pengalaman.

Encik Johari memberitahu bahawa sungguhpun



● **MANIJAH Ayoob** dari Balai Rakyat Yio Chu Kang sedang menjalani pemeriksaan kesihatan dari seorang doktor di Persatuan Rakyat pagi kelmarin.

kejohanan ini lebih merupakan satu olahraga, namun seni, langkah dan gerak-gerak silat tidak harus diketepikan.

Pengalaman yang dimaksudkan beliau pula ialah pengalaman berlawan satu dengan satu.

Sementara itu, salah seorang peserta kejohanan tahun ini ialah Suzannah binti Abu Bakar, 15 tahun, dari Balai Rakyat Tan

16 APR 1985

Penjaja menengah tiga Sekolah Menengah Whitley ini berkata: "Inilah kali pertama saya mengambil bahagian. Saya tidak tahu peluang saya, tetapi saya akan mencuba seberapa yang terdaya."

Suzannah telah tiga tahun mempelajari silat dengan kumpulan silat Gagak Sakti di balai rakyat tersebut.